



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN MIRI
ARAS 4, YU LAN PLAZA
JALAN BROOKE
98000 MIRI, SARAWAK
MALAYSIA

Tel: 085-442 183
Faxes: 085-423 103
Laman Web: www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANMIR/400-1/1.3 JLD.1(47)

Tarikh : 16 Oktober 2025

SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN
JANM CAWANGAN MIRI,

Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN YANG
BERKAITAN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA
SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2025
(30 SEPTEMBER 2025)-LEJAR AKRUAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Perakaunan diminta untuk mengemukakan pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan 2025 (30 September 2025) – Lejar Akruan. Oleh yang demikian, semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Miri yang terlibat hendaklah mengambil tindakan ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Pengesahan Baki kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini seperti di **Lampiran A**;
- (b) Memastikan Pengesahan Baki yang lengkap dan sempurna dikemukakan dalam **3 salinan ASAL** kepada JANM Cawangan Miri **sebelum atau pada 24 Oktober 2025 (Jumaat)** untuk tindakan kami selanjutnya.

3. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2025 sehingga 30 September 2025 adalah lengkap dan teratur.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,


(SITI ZURAIDA BINTI AMIT)

b/p Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Miri.